

Ruj. Kami : Bil.(1)dlm.MDTM(LANDSKAP)L12/05/11/18
 Tarikh : 20 Ogos 2018
 8 Zulhijjah 1439H

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti berikut:-

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
SH L05/2018 – ZON A	Cadangan Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap Di Bahu-Bahu Jalan Zon A: Rumah Awam 3, Taman Bernam, Taman Segar, Taman Sri Indah, Taman Pertama I & II, Kampung Simpang Empat, Taman Sentosa, Taman Malim, Taman Slim, Taman Sri Tanjong, Taman Berop Idaman, Taman Wangsa dan Taman Wangsa Setia, Tanjong Malim	Berdaftar dengan CIDB Gred G1, Kategori B atau CE, Pengkhususan B09 atau CE14 Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00
SH L06/2018 – ZON B	Cadangan Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap Di Bahu-Bahu Jalan Zon B – Jalan Besar, Jalan Raja Itam, Jalan Maktab dan Jalan Ketoyong, Tanjong Malim	Berdaftar dengan CIDB Gred G1, Kategori B atau CE, Pengkhususan B09 atau CE14 Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00
SH L07/2018 – ZON C	Cadangan Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap Di Bahu-Bahu Jalan Zon C - Behrang Stesen, Bandar Sri Behrang dan Bandar Behrang 2020, Tanjong Malim	Berdaftar dengan CIDB Gred G1, Kategori B atau CE, Pengkhususan B09 atau CE14 Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00

SH L08/2018 – ZON D	Cadangan Kerja-kerja Penyelenggaraan Landskap Di Bahu-Bahu Jalan Zon D – Taman Bukit Slim, Taman Slim Makmur, Bandar Baru, Jalan Hospital, Taman Krishnan, Kampung Kurnia, Taman Slim River, Taman Slim Indah, Pekan Slim River, Taman Seroja, Kampung Perhentian, Taman Wira I & II, Kampung Baru, Rumah Awam I & III, Slim River	Berdaftar dengan CIDB Gred G1, Kategori B atau CE, Pengkhususan B09 atau CE14 Daerah Muallim Bumiputera	RM 30.00
---------------------	--	---	----------

2. Naskah meja tawaran akan dipamerkan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari **27 Ogos 2018 (Isnin) hingga 3 September 2018 (Isnin)** semasa waktu pejabat.

3. Dokumen tawaran akan dijual mulai **27 Ogos 2018 (Isnin)** hingga **3 September 2018 (Isnin)** mengikut waktu pembayaran seperti berikut:

ISNIN – KHAMIS		JUMAAT	
Pagi	: 8.15 pagi – 12.45 tengahari	Pagi	: 8.15 pagi – 12.00 tengahari
Petang	: 2.15 petang – 4.30 petang	Petang	: 3.00 petang – 4.30 petang

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. **Penyebut harga yang berminat adalah diwajibkan menyertai satu lawatan tapak yang akan diadakan pada 29 Ogos 2018 (Rabu) bertempat di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim, Behrang 2020 jam 10.00 pagi. Penyebut Harga diwajibkan membawa bersama salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK). Hanya penyebutharga yang berkelayakan sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak dan wakil tidak dibenarkan.**

5. Pembayaran dokumen tawaran sebut harga hendaklah berbentuk tunai, bank draf atau wang kiriman pos dibuat atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerajaan (CIDB) dan Sijil taraf Bumiputera (PKK) diperlukan semasa mengambil dokumen tawaran. Tawaran hendaklah dibuat di atas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.

6. **Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran dipenjurukan sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 3 September 2018 (Isnin) jam 12.00 tengah hari. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan di tolak.**

7. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(FAIZAL NIZAM BIN MD NOR, AMP.)

Yang Dipertua

Majlis Daerah Tanjong Malim

“INOVASI NADI KESIAGAAN TRANSFORMASI”